



ABU HASSAN menunjukkan replika cek untuk Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia - Gambar oleh Zakaria Damit

RM10,000 untuk tabung keamanan

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) mengutip kira-kira RM10,000 derma bagi mengisi Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

Kutipan yang dikumpul sejak awal bulan lalu diterima daripada pelbagai bahagian di UMS termasuk sembilan sekolah, pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pusat Penataran Bahasa dan Ilmu dan UMS cawangan Labuan.

Naib Canselor UMS, Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman, berkata UMS melaksanakan kutipan bagi mengisi tabung itu selaras dengan arahan kementerian baru-baru ini.

Katanya, sebagai IPT awam di negara ini, UMS turut bertanggungjawab untuk membantu mengisi tabung berkenaan bagi membantu rakyat Iraq yang memerlukan bantuan akibat perang.

Antara yang menyumbang ialah Pengurus Maju Kafe, Shafie Abdullah, berjumlah RM2,000 (gambar).

Kutipan berkenaan akan dihantar kepada Kementerian Pendidikan pada bulan dan kemudiannya disalurkan Kementerian Luar.